



INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN

JUN 2025

[Tahun ke Tahun]

[Bulan ke Bulan]

Indeks Harga Pengeluar Malaysia menurun
4.2 peratus pada JUN 2025

Jun 2025 Mei 2025
-4.2% **-3.6%**

Jun 2025 Mei 2025
-0.7% **-1.1%**

IHPR MENGIKUT SEKTOR


Pertanian, perhutanan & perikanan



Perlombongan



Pembuatan



Bekalan elektrik & gas



Bekalan air




Nota :

Tahun ke Tahun
 Bulan ke Bulan

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN

Amerika Syarikat



Jun 2025 : 2.3%
Mei 2025 : 2.7%

P.R. China



Jun 2025 : -3.6%
Mei 2025 : -3.3%

Republik Korea



Jun 2025 : 0.5%
Mei 2025 : 0.3%

Taiwan



Jun 2025 : -5.5%
Mei 2025 : -4.3%

Indonesia



Jun 2025 : 1.4%
Mei 2025 : 1.2%

Jepun




Jun 2025 : 2.9%
Mei 2025 : 3.3%


Sumber : Laman web rasmi
NSO terpilih

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN

Bahan mentah untuk diproses selanjutnya



Bahan perantaraan, bekalan & komponen




Barang siap



IHPR JUN 2024 – JUN 2025

Indeks (2010=100)

Peratus Perubahan (%)



Sumber : Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia menurun 4.2 peratus pada Jun 2025 disumbangkan oleh semua sektor

- Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menurun 4.2 peratus pada Jun 2025, selepas penurunan 3.6 peratus pada bulan sebelumnya.
- Semua sektor mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Jun 2025, dengan sektor Perlombongan dan Pembuatan menjadi penyumbang utama kepada trend negatif keseluruhan indeks. Sektor Perlombongan menurun 8.0 peratus (Mei 2025: -15.0%), dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan gas asli (-12.0%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan susut 4.3 peratus (Mei 2025: -3.0%) disumbangkan oleh indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-17.7%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (-7.8%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turut mencatatkan penurunan perlahan 0.3 peratus (Mei 2025: 1.8%) disebabkan oleh indeks Pengeluaran ternakan (-2.9%). Bagi sektor utiliti, kedua-dua sektor Bekalan elektrik dan gas dan Bekalan air mencatatkan penurunan marginal 0.2 peratus pada Jun 2025.
- Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan penurunan 0.7 peratus pada Jun 2025, berbanding penurunan 1.1 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Pembuatan susut 1.2 peratus (Mei 2025: -0.5%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-4.2%). Sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan juga mencatatkan penurunan 1.0 peratus (Mei 2025: -5.4%) disebabkan oleh penurunan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-1.2%). Sebaliknya, sektor Perlombongan meningkat 4.6 peratus (Mei 2025: -2.3%) disebabkan terutamanya oleh Pengekstrakan petroleum mentah (7.0%). Sementara itu, indeks Bekalan air meningkat marginal 0.2 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik dan gas turun 0.2 peratus pada Jun 2025.
- Semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Jun 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 5.8 peratus, didorong oleh penurunan dalam Bahan bukan makanan (-7.0%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen pula mencatatkan penurunan 4.4 peratus, disumbangkan oleh penurunan ketara dalam Bahan api yang diproses dan pelincir (-12.7%). Sementara itu, indeks Barang siap menguncup 2.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Kelengkapan modal (-3.2%).
- Pada asas bulan ke bulan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan 1.2 peratus, manakala Indeks Barang siap merekodkan kenaikan perlahan 0.5 peratus. Namun begitu, indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.
- IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan penurunan 3.7 peratus pada suku kedua 2025, berbanding penurunan 0.3 peratus pada suku pertama 2025. Sektor Perlombongan mencatatkan penurunan ketara 13.7 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan (-3.4%) dan sektor Bekalan elektrik dan gas (-0.6%). Namun begitu, sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan dan Bekalan air masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus dan 0.2 peratus. Sementara itu, perbandingan suku tahunan, IHPR mencatatkan penurunan 2.3 peratus, berbanding peningkatan 1.0 peratus yang direkodkan pada suku sebelumnya. Penurunan ini didorong terutamanya oleh penguncupan dalam sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan, Perlombongan dan Pembuatan.

